

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 SEPTEMBER 2023
 AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 23

Kajian separuh penggal RMK-12 gariskan anjakan besar

Kajian separuh penggal RMK-12 gariskan anjakan besar

Rancangan perlu ditambah baik sesuai keadaan pasca COVID-19 untuk capai sasaran

Oleh Mahanun Abdul Aziz
 mahanun_aziz@bh.com.my

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat Isnin ini sememangnya memerlukan penambahbaikan dan anjakan menyeluruh.

Antara anjakan besar yang mungkin disenjut membabitkan peningkatan kecekapan perkhidmatan awam; kemampuan fizikal kerjaan suis berbesar; gaji provesif perumahan tenan boleh dipertahankan; pertumbuhan jaringan keselamatan sosial; keperluan makanan; perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS); infrastruktur awam dan ekonomi digital.

Penambahbaikan jangka dibuat memandangkan persekitaran ekonomi dan sosial di negara ini banyak berubah sejak RMK12 diperkenalkan pada 2021 iaitu ketika ia masih terengah dengan pandemik COVID-19.

Namun, situasi ketika ini belum berubah dan negara berada dalam fasa berlanjut dari isu dan caharan, kata penganalisis.

Susulan itu, perancangan awal

EKONOMI MADANI Mempersara Rakyat

dalam rancangan lima tahun 2021 hingga 2025 itu sudah pasti memerlukan perubahan serta langkah baharu bagi mencapai matlamat pembangunan yang makmur inklusif dan berkelanjutan.

Malah, ia juga perlu sejajar dengan hal tuju pentadbiran baharu negara ketika ini iaitu yang berlandaskan kerangka Ekonomi MADANI Mempersara Rakyat.

Meskipun RMK-12 menunjukkan kemajuan setakat ini, usaha wajar digiatkan dalam memantapkan lagi kebahagiaan rakyat dan meningkatkan daya saing negara.

Tumpuan pastinya ke arah mendekati kebahagiaan sejaterah, mandiri dan berdaya saing, tinggi dengan memelihara 'tantu' dan 'sing' fokus kerjanya.

Ketua Ahli Ekonomi dan Kewangan Sosial Bank Muamalat Ma-

laysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata pejajaran semula wajar dilaksanakan selaras konsep Ekonomi MADANI.

Katanya, pentaksiran perkara yang akan ubahsua dan membahalkan dalam rancangan lima tahun itu supaya waktu yang 'hi-lang' ketika COVID-19 dapat diganti semula demi kesejahteraan rakyat.

Pencapaian agak bercampur.

Beliau berkata, sejak RMK-12 dilancarkan, pencapaian setakat ini masih memberi sumbangan yang seperti sasaran nisbah gaji pelajar kepada Kuaruan Dalam Negara Kasar (KDKN) adalah 49 peratus, namun pencapaian setakat 2022 adalah 32.4 peratus.

Selain itu, katanya pertumbuhan ekonomi yang djangkakan adalah antara 4.5 hingga 5.5 peratus, manakala pencapaian sebenar 3.3 peratus dan 8.7 peratus pada 2021 dan 2022.

"Jadi, ia anak panjang tren pertumbuhan KDKN. Oleh itu, apa yang perlu dilakukan adalah mempercepatkan pelaksanaan projek infrastruktur yang

bermula tinggi supaya kesan limpahannya dapat dirasai secepat mungkin," katanya kepada BH.

Mohd Afzanizam berkata, sektor pendidikan perlu dilihui semula agar prestasi akademik rendah sebagai mata pelajaran utama seperti Matematik dapat diajar dengan pendekatan yang menarik minat pelajar terhadap subjek itu.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli dalam video klip yang dimuatkan dalam laman sosialnya berkata, Kajian Separuh Penggal RMK-12 disifatkan sebagai rancangan yang berjaya.

Malah, katanya kajian separuh penggal itu juga dilihat unit untuk menghadapi COVID-19 yang berlaku pada 2020 hingga 2022 telah merubah banyak perkara, justeru ia perlu dinilai 100 peratus kerana ia perlu dilihui 100 peratus kerana tanggapannya ataupun perancangan dibuat sebelum itu, sekarang sudah tidak boleh diguna pakai.

Sementara itu, Penganalisis Ekonomi Putra Business School (PBS), Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkongsi dengan peluang Rafizi bawaan kajian itu perlu dibuat secara 100 peratus dan menyeluruh kerana

banyak peristiwa serta perubahan yang berlaku pada peringkat global dan domestik sejak dua hingga tiga tahun lalu yang memaksa kerajaan menilai kembali dasar sedang.

Selain itu, katanya, ia bagi memenuhi keperluan meningkatkan unit ekonomi dan sosial untuk memastikan negara kekal mandiri dan berdaya saing dengan menjadi negara terlepas dari dalam industri baharu, terutamanya industri berasaskan teknologi terkini.

"Menggunakan kepentikan teknologi untuk meningkatkan sektor tradisional yang masih di semakin penting seperti agronomi dan penerokaan mineral contohnya, nadir bumi.

"Namun, di samping keinginan untuk menilai 100 peratus RMK12, agenda utama tidak harus dilupakan iaitu kesejahteraan dan kemakmuran rakyat yang mana usaha menangani kos sara hidup mestilah diteruskan bersama-sama dengan menggalakkan kualiti hidup mudah gaji dan pekerjaan lebih kompetitif serta mengrangkul jurang kekayaan antara rakyat," katanya.

● **Di samping keinginan untuk menilai 100 peratus RMK12, agenda utama tidak harus dilupakan iaitu kesejahteraan dan kemakmuran rakyat**

**Ahmed Razman Abdul Latiff,
Penganalisis Ekonomi PBS**



Usaha capai sasaran 2025 selaras aspirasi Malaysia MADANI

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) perlu dalam meningkatkan sasaran yang ditetapkan pada 2025 mampu dicapai selaras aspirasi Malaysia MADANI, kata Timbalan Ketua Setiausaha (Makro) Kementerian Ekonomi, Luqman Ahmad.

Kajian Separuh Penggal RMK-12 yang akan dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Parlimen Isnin ini menggariskan pencapaian bagi 2021 hingga 2022 dan hali tuju bagi 2023 hingga 2025 ke arah mencapai negara mampan, sejahtera dan berpendapatan tinggi dengan mengambil kira cabaran

domestik, trend global semasa dan keutamaan Kerjaya Perpaduan.

Sehubungan itu, Luqman berkata, penerapan naratif Ekonomi MADANI untuk menstruktur semula negara ke arah menjadi peneraju ekonomi Asia akan menjadi tonggak Kajian Separuh Penggal RMK-12.

"Dalam usaha (memberi) tandak balas secara berkesan untuk menangani cabaran domestik dan global, pelaksanaan semula inisiatif pembangunan perlu dipersiapkan," katanya yang menjadikan tetamu pada program REAKSIster Bernama Radio, semalam.

Mengulas selanjutnya, Luqman berkata, Malaysia telah mencapai pertumbuhan ekonomi memberangsangkan termasuk Keluaran Dalam Negara Kasar (KDKN) purata 5.9 peratus setahun pada 2021 hingga 2022 yang melebihi sasaran yang diterangkan dalam RMK-12 yang diteraju oleh peningkatan aktiviti buruh dan sektor swasta.

Bagaimanapun, katanya pencapaian itu sedikit terjejas berikutan cabaran pada peringkat global seperti ketegangan geopolitik, gangguan rantauan bekalan serta kenaikan harga komoditi dan inflasi yang tinggi.

"Dalam negara, Malaysia mencehadapi cabaran juring pertumbuhan dan strata wilayah dan negeri serta ruang fizikal yang terhad," katanya.

Atas alasan itu, Luqman menyifatkan dokumen KSP RMK-12 yang disediakan oleh Kementerian Ekonomi, adalah hasil pendekatan keseluruhan rakyat menerusi sesi libat urus secara meluas, termasuk pada peringkat kementerian, kerajaan negeri, perniagaan, industri, ahli akademik serta pertubuhan serta masyarakat umum.

Usaha menerusi mesyuarat kumpulan antara agensi, kumpulan kerja teknikal, kumpulan

fokus dan libat urus itu diadakan di seluruh negeri sejak September 2022 bagi mengumpulkan maklumat balas semua pihak terbabit.

Beliau berkata, Kajian Separuh Penggal RMK-12 menyentuh semua bidang utama ekonomi, sosial dan alam sekitar yang merangkumi pertumbuhan, penyampaian perkhidmatan awam, kos sara hidup, agenda negara menua, kemiskinan, pasaran buruh dan pelaksanaan matlamat manusia serta prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) bagi memastikan ekonomi negara berada di landasan yang betul.

BERNAMA